

PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



IJAZAH (PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)



» PEGAWAI FARMASI GRED UF41 (KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)

Kekosongan: 30 (berdasarkan kekosongan tempat seperti di jadual 1)

1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat-Syarat Khusus (Ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia):

- (a) Calon telah **dilantik secara kontrak (Contract of Service)** di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan **tidak ditawarkan lantikan tetap** berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016-Pelantikan Secara Kontrak (**Contract of Service**) Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi (Warganegara) bagi Menjalani Latihan Siswazah dan/ atau Khidmat Wajib di KKM;
- (b) Calon yang berjaya akan **dilantik tetap pada Gred 41**;
- (c) Tarikh pelantikan tetap adalah pada **tarikh semasa dan tidak akan dikebelakangkan**;
- (d) **Tidak mempunyai masalah kesihatan** untuk dilantik tetap;
- (e) Calon telah menamatkan latihan siswazah [*Provisionally Registered Pharmacist (PRP)*] di fasiliti KKM dengan jayanya;
- (f) Calon adalah ahli farmasi berdaftar di bawah Lembaga Farmasi Malaysia (*Annual Retention Certification*);
- (g) Hanya **satu (1)** permohonan pilihan penempatan dibenarkan. Pilihan penempatan adalah **muktamad** dan **rayuan** tidak akan dipertimbangkan;
- (h) Calon boleh membuat pilihan penempatan dalam permohonan melalui sistem SPA9 sehingga peringkat **negeri** sahaja;
- (i) Pilihan pusat temu duga di SPA9 adalah dianggap sebagai **pilihan penempatan**;
- (j) Calon tidak dibenarkan untuk menukar penempatan yang telah dipilih di peringkat negeri **selepas tarikh tutup iklan**;
- (k) Calon hendaklah memberi maklumat yang lengkap, tepat dan benar dalam permohonan di sistem SPA9;
- (l) Permohonan yang tidak memenuhi syarat ditetapkan, tidak lengkap, tidak benar dan diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan;
- (m) Hanya calon yang layak dipertimbangkan akan ditawarkan untuk menghadiri temu duga pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Panggilan temu duga akan dikemukakan secara emel beserta Senarai Semak, Borang Pengakuan dan Borang Pilihan Penempatan;
- (n) Calon yang dipanggil temu duga akan membuat pilihan penempatan fasiliti melalui Borang Pilihan Penempatan; dan
- (o) Sebarang pertanyaan, sila e-melkan kepada lantiktetapkhas@moh.gov.my

4. Keperluan Tambahan:

- (a) Kohort lantikan yang layak memohon adalah Pegawai Farmasi lantikan kontrak di KKM daripada sesi atau tarikh lantikan kontrak seperti berikut:
 - (i) **Bilangan 1 Tahun 2018 (15 Januari 2018);**
 - (ii) **Bilangan 2 Tahun 2018 (2 April 2018);** dan
 - (iii) **Bilangan 3 Tahun 2018 (30 Julai 2018).**

Hanya calon-calon daripada kohort lantikan yang disenaraikan sahaja akan dipertimbangkan bagi urusan ini.

(b) Pegawai yang tidak layak memohon adalah seperti berikut:

- (i) Calon selain daripada kohort lantikan seperti dinyatakan di para (a);
- (ii) Calon telah **meletakkan jawatan** sepanjang tempoh kontrak di KKM;
- (iii) Calon telah **ditamatkan perkhidmatan** sepanjang tempoh kontrak di KKM;
- (iv) Calon telah **ditawarkan pelantikan tetap** di KKM; dan

- (v) Calon telah **menolak** tawaran lantikan tetap di KKM.

JADUAL 1

**JAWATAN/ GRED: PEGAWAI FARMASI GRED UF41
(30 KEKOSONGAN)**

| NEGERI | FASILITI | KEKOSONGAN |
|---------------|---|------------|
| Johor | Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang | 1 |
| | Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat | 1 |
| | Hospital Kota Tinggi | 1 |
| | Klinik Kesihatan Bukit Besar, PKD Kota Tinggi | 1 |
| | Klinik Kesihatan Ulu Tiram, PKD Johor Bahru | 1 |
| | Klinik Kesihatan Segamat | 1 |
| | Klinik Kesihatan Rengit, Batu Pahat | 1 |
| | Klinik Kesihatan Pontian | 1 |
| | Klinik Kesihatan Pekan Nanas, Pontian | 1 |
| | Klinik Kesihatan Bayu Damai, Kota Tinggi | 1 |
| Pahang | Hospital Jerantut | 1 |
| | Klinik Kesihatan Lepar Utara 4, PKD Jerantut | 1 |
| | Klinik Kesihatan Tekek, PKD Rompin | 1 |
| | Klinik Kesihatan Sungai Koyan, PKD Lipis | 1 |
| | Klinik Kesihatan Tersang, PKD Raub | 1 |
| Sabah | Hospital Tenom | 1 |
| | Hospital Beluran | 1 |
| | Hospital Kunak | 1 |
| | Hospital Lahad Datu | 1 |
| | Hospital Pitas | 1 |
| | Hospital Kota Marudu | 1 |
| | Hospital Kinabatangan | 1 |
| | Hospital Tambunan | 1 |
| | Hospital Semporna | 1 |
| | Klinik Kesihatan Tandek (PKK Kudat) | 1 |
| | Klinik Kesihatan Lahad Datu (PKK Lahad Datu) | 1 |
| | Klinik Kesihatan Menumbok (PKK Beaufort) | 1 |
| | Klinik Kesihatan Semporna (PKD Semporna) | 1 |
| | Klinik Kesihatan Sook (PKK Keningau) | 1 |
| | Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kinabatangan (PKK Kinabatangan) | 1 |
| JUMLAH | | 30 |

*Calon layak memilih **satu (1)** pilihan penempatan sahaja. Pilihan penempatan adalah muktamad. **Pilihan tempat temu duga (negeri) melalui SPA9 adalah mengikut pilihan negeri penempatan yang dinyatakan di dalam jadual 1.**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan permohonan secara atas talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my> mulai **19 Oktober 2020**. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **25 Oktober 2020 (Ahad), jam 11.59 malam**.

Sebarang permohonan atau perubahan selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. **Keputusan pelantikan adalah muktamad dan tiada sebarang urusan rayuan akan dipertimbangkan.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA
[**https://www.spa.gov.my/spa/**](https://www.spa.gov.my/spa/)